

Pemaju diberi tempoh enam bulan

BM 19 JAN 1992

LANGKAWI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan pemaju yang diberi tender projek pembangunan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di pulau itu, menyiapkan projek mereka dalam tempoh enam bulan atau kelulusan itu ditarik balik.

Beliau berkata, tindakan itu diambil bagi memastikan setiap projek pembangunan di pulau pelancongan itu siap mengikut jadual.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat di sini, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang semalam.

Beliau mengulas mengenai taklimat kemajuan dan pembangunan Langkawi oleh beberapa pemaju swasta dan agensi kerajaan kepadanya di sini, kelmarin.

Menurutnya, antara taklimat itu ialah mengenai pembangunan bandar baru Kuah, pemindahan hospital, pembinaan kompleks sukan dan hotel enam bintang.

"Hospital yang sedia ada terpaksa dipindahkan ke kawasan baru kerana bangunannya yang dibina ketika Perang Dunia Kedua sudah terlalu lama," katanya.

Projek pembangunan bandar baru Kuah pula membabitkan kawasan kira-kira 17 hektar serta berharga \$300 juta, dijangka siap dalam tempoh tiga tahun setengah.

Sementara itu, Pengerus Besar Lada, Haji Halil Mutalib, berkata Lada sudah membatalkan lebih 30 projek kerana pemaju gagal memulakan projek mengikut jadual.

"Pemaju terbabit boleh mengemukakan permohonan baru, tetapi tidak semestinya ia diluluskan oleh Lada," katanya.